

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

**PERATURAN
TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)
(Pindaan 2011)**

Terbitan:

**Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor**

**Peraturan Tatatertib dan Tarbiyyah Pelajar
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
(Pindaan 2011)**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor ©

Peraturan Tatatertib dan Tarbiyyah Pelajar diterbitkan oleh Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan, atau pun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada penerbit.

Terbitan:

Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM) Kolej
Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8925 4251 samb 1118 Faks: 8926 6706 <http://www.kuis.edu.my>

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

ISI KANDUNGAN

Bahagian I	Permulaan	1
Bahagian II	Tatatertib Am	8
Bahagian III	Tatatertib Kediaman	26
Bahagian IV	Tatatertib Lalulintas	33
Bahagian V	Pengingkaran atau Pelanggaran Peraturan Tatatertib	37
Bahagian VI	Hukuman dan Prosedur	39
Bahagian VII	Rayuan-Rayuan	47
Bahagian VIII	Am	49

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

1. Nama
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II
TATATERTIB AM**

3. Peraturan-peraturan am
4. Menghadiri kuliah, tutorial, latihan amali, praktikal, latihan industri, klinikal dan praktikum
5. Menghadiri aktiviti-aktiviti anjuran Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM)
6. Menduduki peperiksaan
7. Penggunaan teks kuliah
8. Mengaturkan atau menghadiri atau menyertai perhimpunan
9. Mempunyai, memiliki, menggunakan, menjaga atau mengawal pembesar suara dan sebagainya
10. Membuat, mengguna, menunjukkan, memiliki sepanduk, kain rentang, panji, pelakat, pelekat dan sebagainya
11. Menerbitkan dokumen-dokumen dan sebagainya
12. Aktiviti-aktiviti pelajar di luar kampus
13. Mengambil bahagian dalam pekerjaan
14. Menggunakan nama Kolej Universiti

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

15. Bantahan pelajar terhadap kemasukan dan pengusiran mana-mana individu atau kumpulan
16. Judi di dalam kampus dan di luar kampus
17. Meminum atau memiliki atau menghidu atau memproses atau mengedar atau menjual atau membeli atau menyimpan bahan-bahan yang memabukkan atau mengkhayalkan
18. Bahan-bahan lucah
19. Mengunjungi pusat hiburan
20. Dadah, racun dan rokok, bahan mudah terbakar, senjata berbahaya dan lain-lain perkara dilarang
21. Mukaddimah zina, zina, persetubuhan luar tab'i (homoseksual/lesbian), muncikari atau sebarang bentuk jenayah seksual
22. Pertubuhan haram dan/atau gengsterisme
23. Kebersihan di dalam kampus
24. Membuat bising
25. Tempat tinggal atau tempat tidur di kampus
26. Pergaulan mengikut Hukum Syara'
27. Peraturan pakaian dan penampilan pelajar
28. Memasuki bahagian atau kawasan larangan kampus atau bangunan
29. Mencuri, merompak, meragut, menyamun atau mengambil tanpa kebenaran
30. Keingkaran

**BAHAGIAN III
TATATERTIB KEDIAMAN**

31. Semua pelajar wajib menetap di Kediaman
32. Tanggungjawab pelajar untuk mendaftar masuk dan mendaftar keluar
33. Tanggungjawab pelajar untuk mengikuti program yang disusun oleh pihak Kolej Universiti dan Bahagian Kediaman dan Penempatan Mahasiswa (BKPM)
34. Menceroboh bilik atau berada di kawasan Kediaman pelajar berdaftar
35. Kawasan larangan
36. Menghalang pegawai yang dilantik daripada menjalankan tugas
37. Berada di luar Kediaman pada waktu malam
38. Berada dalam premis Kediaman selepas jam sebelas (11.00) malam
39. Tanggungjawab dan cermat dalam menggunakan kemudahan di premis Kediaman
40. Larangan kacau ganggu
41. Pelajar tidak boleh berpindah bilik tanpa kebenaran
42. Pelajar berdaftar hendaklah mengosongkan atau berpindah tempat Kediaman apabila dikehendaki oleh pihak Kolej Universiti
43. Menutup aurat
44. Kuasa-kuasa Pegawai
45. Pelanggaran terhadap peraturan-peraturan di bawah Bahagian ini adalah menjadi suatu kesalahan

**BAHAGIAN IV
TATATERTIB LALULINTAS**

46. Kebenaran bertulis bagi pelajar-pelajar yang menyimpan, memiliki atau mempunyai kenderaan bermotor di dalam kampus
47. Pendaftaran Kenderaan
48. Menaiki Kenderaan Bersama Bukan Mahram
49. Had laju
50. Laluan Kenderaan Meletak
51. Kenderaan Menunggang dan
52. membonceng
53. Arahan dan tanda lalulintas hendaklah dipatuhi
54. Mengemukakan lesen memandu, kad pelajar atau kad pengenalan diri apabila diminta
55. Halangan kepada aliran lalulintas
56. Kemalangan/ kerosakan akibat kecuaiian
57. Pemakaian Akta Pengangkutan Jalan 1987

**BAHAGIAN V PENGINGKARAN ATAU
PELANGGARAN PERATURAN
TATATERTIB**

58. Pengingkaran atau pelanggaran peraturan tatatertib

**BAHAGIAN VI HUKUMAN
DAN PROSEDUR**

59. Hukuman kesalahan tatatertib
60. Hadir di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib
61. Akibat tidak hadir di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib
62. Fakta-fakta kesalahan tatatertib hendaklah dijelaskan dan pengakuan hendaklah diambil
63. Pengakuan bersalah
64. Pengakuan tidak bersalah
65. Keterangan pelajar
66. Kuasa Pihak Berkuasa Tatatertib menyoal atau memanggil semula saksi
67. Mengumumkan keputusan
68. Mengenakan hukuman
69. Jagaan dan pelupusan eksibit
70. Rakaman audio dan/atau nota-nota bertulis prosiding tatatertib
71. Menyimpan rakaman audio dan/atau nota-nota bertulis
72. Rekod prosiding tatatertib
73. Keputusan prosiding kepada Ibu bapa dan Rektor
74. Membayar denda
75. Akibat tidak membayar denda

- 76. Perintah ganti rugi
- 77. Orang-orang yang boleh hadir dalam prosiding tatatertib
- 78. Hukuman lain yang bukan di bawah prosiding tatatertib

**BAHAGIAN VII
RAYUAN-RAYUAN**

- 79. Notis rayuan
- 80. Rayuan kepada Rektor
- 81. Rayuan tidak menggantung pelaksanaan suatu hukuman

**BAHAGIAN VIII
AM**

- 82. Autoriti pihak berkuasa
- 83. Tanggungan tatatertib pemegang jawatan dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar
- 84. Anggapan
- 85. Kesalahan-kesalahan tatatertib
- 86. Peraturan-peraturan ini tidak mengurangkan tanggungan jenayah
- 87. Lakuna atau tiada peruntukan
- 88. Pematuhan Peraturan

BAHAGIAN I PERMULAAN

**PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KOLEJ
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)
(Pindaan 2011)**

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR dengan ini membuat peraturan-peraturan seperti berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

1. Nama

Peraturan-peraturan ini hendaklah dinamakan **PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS) (Pindaan 2011)** dan selepas ini dirujuk sebagai Peraturan ini.

2. Tafsiran

Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain:

“arahan lalulintas” ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberi oleh seseorang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak Kolej Universiti kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kereta di dalam kampus;

“bahan-bahan lucah” ertinya sesuatu bahan bercetak, visual, bertulis, grafik, alatan dan sebagainya yang bersifat lucah dan bertentangan dengan Islam;

“bangunan dan binaan” ertinya termasuklah tetapi tidak terhad kepada semua bangunan Kediaman, akademik dan pentadbiran; Masjid, Pusat Konvensyen, Pusat Aktiviti Pelajar, pagar, balai dan pondok pengawal, kafeteria, wakaf, hentian bas, pam dan tangki air, sub station TNB dan sebagainya;

“bersekedudukan” ertinya mana-mana pelajar lelaki atau pelajar perempuan yang tinggal secara menetap, menyewa, menumpang,

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

menginap atau duduk di sesuatu premis, lokasi, *apartment*, rumah, bilik atau mana-mana tempat sekalipun, bersama dengan mana-mana lelaki atau perempuan tanpa hubungan yang sah menurut Hukum Syara’;

“**bilik tatatertib**” ertinya suatu bilik yang diperuntukkan bagi maksud menjalankan prosiding tatatertib amnya atau bagi maksud prosiding tatatertib yang tertentu;

“**buli**” ertinya perbuatan secara mental atau fizikal seperti mendera, mempermainkan, biasanya orang yang lemah, dengan tujuan untuk menggertak, mencederakan, menakutkan dan sebagainya orang yang berkenaan;

“**dadah**” ertinya apa-apa dadah atau benda yang pada masa itu disenaraikan dalam Jadual Pertama Kepada Akta Dadah Berbahaya 1952;

“**felo Kediaman**” ertinya pegawai dilantik termasuklah pemangku felo yang bertanggungjawab dalam hal-hal Kediaman;

“**gengsterisme**” ertinya kegiatan gengster melalui keahlian atau keanggotaan kumpulan penjenayah atau samseng;

“**homoseksual/lesbian**” ertinya kecenderungan hubungan seksual sesama jantina iaitu lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan;

“**Jawatankuasa Tatatertib**” ertinya Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Rektor yang dilantik atau jika berkenaan, mana-mana orang atau jawatankuasa yang diwakilkan oleh Timbalan Rektor dengan tugas, kuasa atau kewajipan melaksanakan tatatertib;

“**jenayah seksual**” ertinya secara umumnya apa jua perlakuan individu terhadap individu lain yang mendorong berlakunya hubungan seksual dengan mereka atau bersifat lucah;

“**judi**” ertinya bermain sesuatu permainan nasib, atau permainan kepandaian, atau permainan nasib campur kepandaian, untuk mendapatkan wang atau sesuatu yang boleh dinilai dengan wang dan termasuklah pertaruhan atau apa-apa loteri;

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

“**kawasan sekitar**” ertinya kawasan Kediaman, kemudahan sukan dan rekreasi, tempat letak kenderaan, jalanraya, kawasan landskap dan sebagainya sama ada kawasan tersebut berada di dalam Kolej Universiti atau kawasan di sekitar Kolej Universiti;

“**kecuaian**” ertinya tidak berhati-hati dalam membuat sesuatu atau lalai;

“**Kediaman**” ertinya mahallah, qaryah atau apa-apa tempat tinggal/ Kediaman, yang disedia atau disewa oleh Kolej Universiti atau yang disewa oleh pelajar untuk tujuan Kediaman;

“**kenderaan**” ertinya segala jenis medium pengangkutan termasuk yang bermotor sebagai contoh seperti kereta, van, bas, motorsikal dan yang tak bermotor sebagai contoh seperti basikal;

“**kenderaan bermotor**” ertinya segala jenis kenderaan yang digerak dengan cara pesawat atau enjin yang terkandung di dalamnya sendiri dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan untuk menggerakkan kenderaan tersebut di atas jalan, dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan bermotor sama ada atau tidak bahagian daripada kenderaan yang ditarik itu ditempatkan di atas kenderaan bermotor yang menariknya itu;

“**kesalahan tatatertib**” ertinya suatu kesalahan tatatertib di bawah peraturan- peraturan ini;

“**Kolej Universiti**” ertinya Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor termasuklah mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak Kolej Universiti;

“**meletak kenderaan**” ertinya memberhentikan sesuatu kenderaan untuk menunggu bagi sesuatu maksud, lain daripada maksud untuk mengambil atau menurunkan orang, barang-barang atau barang-barang penumpang;

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

“**minuman keras**” ertinya apa-apa minuman yang mengandungi/terdapat kandungan alkohol yang mendatangkan kesan memabukkan atau mengkhayalkan;

“**mukaddimah zina**” ertinya perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah;

“**muncikari**” ertinya orang yang bertindak sebagai orang tengah antara seorang perempuan dengan seorang lelaki bagi apa-apa tujuan yang menyalahi Hukum Syara’;

“**pegawai**” ertinya mana-mana orang yang menyandang suatu jawatan di Kolej Universiti atau sesuatu badan yang mana adalah suatu pihak berkuasa Kolej Universiti, sama ada jawatan itu jawatan sukarela, atau untuk mendapat saraan, atau selainnya;

“**pelajar berbiasiswa**” ertinya termasuklah mana-mana pelajar atau mahasiswa Kolej Universiti atau mana-mana istilah yang sama maksud dengannya, yang sedang belajar dengan biasiswa, dermasiswa, pinjaman, tajaan, cuti bergaji atau tanpa bergaji atau dengan pemberian apa-apa kemudahan lain, daripada mana-mana kerajaan, institusi, pihak berkuasa berkanun, organisasi perdagangan atau perniagaan atau lain-lain badan;

“**pelajar berdaftar**” ertinya seseorang pelajar atau mahasiswa Kolej Universiti atau mana-mana istilah yang sama maksud dengannya, yang berdaftar untuk menginap/ mendiami sesuatu penempatan/Kediaman yang menjadi seliaan Kolej Universiti sama ada di dalam atau di luar kampus;

“**pelajar**” ertinya pelajar atau mahasiswa Kolej Universiti atau mana-mana istilah yang sama maksud dengannya, berdaftar secara sepenuh masa atau separuh masa dalam kursus/program pasca siswazah dan pra siswazah, doktor falsafah, sarjana, sarjana muda, diploma, sijil, asasi dan pengajian jarak jauh;

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

“Pengetua” pegawai yang dilantik oleh Kolej Universiti bagi mengurus dan mengawalselia aktiviti-aktiviti serta program pelajar berdaftar yang berada di Kediaman sama ada di luar atau di dalam Kolej Universiti;

“Pentadbir” ertinya Rektor, Timbalan Rektor, Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan, Penasihat/Pegawai Undang-Undang, Dekan/Pengarah/Pengetua, Timbalan-timbalan Dekan/Timbalan Pengarah, Ketua Bahagian, Ketua Jabatan, Penolong Pendaftar, Ketua Seksyen, Ketua Unit, dan/atau pegawai-pegawai yang dilantik mengikut perlembagaan KUIS dan Peraturan ini;

“peraturan” ertinya mana-mana peraturan bertulis yang telah ditentukan/ditetapkan dan hendaklah dituruti dan dipatuhi sama ada peraturan tatatertib atau Kediaman atau akademik;

“persetubuhan luar tabi’i” ertinya sesiapa yang mengadakan persetubuhan dengan mana-mana lelaki, perempuan atau binatang dengan cara berlawanan dengan tabi’i semulajadi;

“pihak berkuasa” ertinya pihak yang diberi kuasa oleh pihak pengurusan dan pentadbiran, Kolej Universiti;

“plagiat” ertinya perbuatan mencedok kata-kata, idea dan sebagainya daripada orang lain dan menggunakannya sebagai karyanya sendiri tanpa menyatakan sumber asal;

“prosiding tatatertib” ertinya suatu perbicaraan tatatertib di bawah peraturan-peraturan ini;

“provokasi” ertinya perbuatan membangkitkan, menimbulkan, mencetuskan, minat dan sebagainya;

“pusat hiburan” ertinya mana-mana premis, lokasi atau tempat, sama ada beroperasi secara sah menurut undang-undang atau sebaliknya, yang mempunyai unsur-unsur muzik, nyanyian, tarian, permainan, pergaulan bebas lelaki dan perempuan dan apa-apa aktiviti yang boleh menimbulkan syak wasangka atau keadaan yang bertentangan dengan Hukum Syara’;

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

“**racun**” ertinya apa-apa benda yang dinyatakan namanya dalam ruangan satu dalam Jadual Pertama Senarai Racun Akta Racun 1952 (Disemak 1989) Akta 366 dan termasuklah apa-apa sediaan, larutan, sebatian, campuran atau benda semulajadi yang mengandungi benda itu;

“**Rektor**” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan dalam Perlembagaan KUIS;

“**Ta’dib**” termasuklah:-

- (a) suatu tindakan untuk mendisiplinkan jiwa dan fikiran;
- (b) pencarian kualiti dan sifat jiwa dan fikiran yang baik;
- (c) perilaku yang benar dan sesuai yang berlawanan dengan perilaku salah dan buruk;
- (d) ilmu yang dapat menyelamatkan insan daripada kesalahan dalam mengambil keputusan dan dari sesuatu yang tidak terpuji;
- (e) pengenalan dan pengakuan kedudukan (sesuatu) secara benar dan tepat;
- (f) suatu kaedah mengetahui yang menghasilkan kedudukan sesuatu secara benar dan tepat;
- (g) *al-`adl* (keadilan) dan *al-hikmah*, iaitu meletakkan sesuatu yang benar pada tempat yang tepat dan benar;
- (h) membimbing ke arah akhlak yg mulia; dan
- (i) unsur ilmu pengajaran dan penyuburan yang baik.

“**tanda lalulintas**” ertinya termasuklah apa-apa isyarat, tiang tanda amaran, tiang arahan, tanda atau alat yang didirikan atau diadakan di atas atau berhampiran dengan jalan untuk maklumat, panduan atau arahan orang- orang yang menggunakan jalan di kawasan Kolej Universiti;

“**Timbalan Rektor**” ertinya Timbalan Rektor yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Kolej Universiti di bawah Seksyen 11 (6);

“**vandalisme**” ertinya perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda atau persendirian;

“**zina**” ertinya persetubuhan antara lelaki dengan perempuan tanpa nikah.

BAHAGIAN II TATATERTIB AM

**BAHAGIAN II
TATATERTIB AM**

3. Peraturan-peraturan Am

- (1) Pelajar Islam hendaklah sentiasa mematuhi ajaran Islam dengan menjaga adab sopan dan akhlak sama ada bersendirian atau di khalayak umum ketika berada di dalam atau di luar kampus;
- (2) Pelajar Bukan Islam hendaklah sentiasa menjaga adab sopan sama ada bersendirian atau di khalayak umum ketika berada di dalam atau di luar kampus;
- (3) Pelajar Bukan Islam hendaklah menghormati ajaran Islam dan tidak melakukan apa-apa perbuatan dan sebagainya yang boleh menghina Islam;
- (4) Seseorang pelajar tidak boleh:-
 - a) menjalankan urusannya dalam bentuk penulisan, pengucapan atau perbuatan, sama ada di dalam atau di luar kampus dengan apa-apa yang boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, keharmonian atau nama baik Islam, Kolej Universiti atau nama baik mana-mana pelajar dan pegawai atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam atau moral, kesopanan atau tatatertib;
 - b) melakukan kekasaran seperti memukul, menyepak, melakukan perbuatan yang boleh mendatangkan kecederaan atau kesakitan kepada mana-mana individu;
 - c) membuli seseorang secara fizikal atau mental;
 - d) mengugut, mengancam, mengeluarkan sebarang kata-kata atau melakukan sebarang perbuatan dengan apa cara sekalipun yang boleh mendatangkan kebimbangan, keresahan dan ketakutan;
 - e) melanggar sebarang peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, notis atau pekeliling sama ada di dalam atau di luar kampus;

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

- f) menangguhkan atau dengan apa-apa cara mengganggu atau menyebabkan tertangguh atau dengan apa-apa cara terganggu, apa-apa pengajaran, pengajian, penyelidikan, kerja pentadbiran atau apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh Kolej Universiti atau di bawah arahan atau dengan kebenaran Kolej Universiti atau melakukan sesuatu perbuatan yang boleh menyebabkan penangguhan atau gangguan itu;
- g) menahan, menghalang atau mengganggu atau menyebabkan tertahan, terhalang atau terganggu, mana-mana pegawai Kolej Universiti atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan atau kebenaran pegawai itu, daripada menjalankan kerja, kewajipan atau tugasnya atau melakukan sesuatu perbuatan yang boleh menyebabkan penahanan, halangan atau gangguan itu;
- h) menahan, menghalang atau menyebabkan tertahan atau terhalang, mana-mana pelajar daripada menghadiri sesuatu peperiksaan, kuliah, tutorial atau kelas atau daripada mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti yang sah atau melakukan sesuatu perbuatan yang boleh menyebabkan penahanan atau halangan itu;
- i) mengatur, menghasut, memaksa, melakukan provokasi atau menyertai pemulauan sesuatu peperiksaan, kuliah, tutorial, kelas atau aktiviti yang sah yang dijalankan di bawah arahan atau dengan kebenaran Kolej Universiti;
- j) melakukan perbuatan vandalisme dengan apa-apa cara terhadap sebarang harta Kolej Universiti atau harta persendirian milik orang lain;
- k) mengusik, mengganggu, mengalih atau dengan apa-apa cara melakukan sesuatu ke atas apa-apa benda, barang atau apa-apa harta atau dengan diketahuinya melakukan sesuatu perbuatan atau menyebabkan sesuatu perbuatan dilakukan di dalam kampus dengan tujuan untuk menyebabkan atau yang mungkin menyebabkan sesuatu halangan, kesusahan, kegusaran, kerugian, kehilangan atau kerosakan kepada Kolej Universiti atau mana-mana orang;

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

- l) mengingkari apa-apa arahan Ketua Pustakawan Kolej Universiti atau mana-mana Pegawai Perpustakaan mengenai penggunaan perpustakaan, bahan-bahan rujukan dan lain-lain kemudahan perpustakaan;
- m) membawa apa-apa bahan atau dokumen yang berkaitan dengan peperiksaan ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan tanpa kebenaran Ketua Pengawas Peperiksaan atau menerima apa-apa buku, kertas, dokumen atau gambar daripada mana-mana orang lain semasa berada di dalam bilik peperiksaan kecuali yang dibenarkan oleh atau diterima daripada Ketua Pengawas Peperiksaan;
- n) menulis apa-apa pada slip peperiksaan;
- o) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa peperiksaan berlangsung dengan apa-apa cara sekalipun;
- p) tidak mematuhi apa-apa arahan atau peraturan peperiksaan yang telah ditetapkan di dalam mana-mana Peraturan-peraturan Akademik Kolej Universiti;
- q) tidak mematuhi apa-apa arahan dan ketetapan yang dibuat oleh Pengetua atau mana-mana pegawai yang dilantik berhubung dengan sebarang peraturan dan undang-undang ataupun arahan yang dibuat untuk Kediaman dari semasa ke semasa;
- r) menipu atau memalsukan sebarang dokumen dengan membuat, mengubah, menyalin atau meniru daripada dokumen asal atau membenarkan orang lain membuat perubahan atau menyalin;
- s) melakukan plagiat;
- t) bekerjasama dan membantu atau bersama dengan pelajar lain bagi melakukan kesalahan tata tertib; dan/atau
- u) melakukan apa-apa aktiviti yang bertentangan dengan Hukum Syara' atau apa-apa peraturan dan/atau ketetapan Kolej Universiti.

4. Menghadiri kuliah, tutorial, latihan amali, praktikal, latihan industri, klinikal dan praktikum

- (1) Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri kuliah, tutorial, latihan amali, praktikal, latihan industri, klinikal dan praktikum atau lain-lain pengajaran berhubung dengan pengajiannya, ia hendaklah menghadirinya melainkan jika ia mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Dekan Fakulti/ Pengarah Pusat atau Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah atau Ketua Jabatan atau Pensyarah berkenaan, mengikut mana yang berkenaan.
- (2) Jika hal keadaan tidak mengizinkan pelajar untuk mendapatkan kebenaran seperti di dalam perenggan (1) dengan sebab atau alasan yang munasabah, dalam hal yang sedemikian pelajar itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh kemudiannya, memaklumkan kepada Dekan Fakulti/ Pengarah Pusat atau Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah atau Ketua Jabatan atau Pensyarah berkenaan alasan ketidakhadirannya.
- (3) Kegagalan pelajar mematuhi perenggan (1) dan (2) di atas boleh mengakibatkan pelajar dikenakan tindakan tatatertib.

5. Menghadiri aktiviti anjuran Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM)

- (1) Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri sebarang aktiviti anjuran BPM termasuk kokurikulum dan usrah, ia hendaklah menghadirinya melainkan jika ia mendapat pengecualian kehadiran terlebih dahulu daripada Ketua BPM.
- (2) Jika hal keadaan tidak mengizinkan pelajar untuk mendapatkan kebenaran seperti di dalam perenggan (1) dengan sebab atau alasan yang munasabah, dalam hal yang sedemikian pelajar itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh kemudiannya, memaklumkan kepada Ketua BPM berkenaan alasan ketidakhadirannya.
- (3) Kegagalan pelajar mematuhi perenggan (1) dan (2) boleh mengakibatkan pelajar dikenakan tindakan tatatertib.

6. Menduduki Peperiksaan

- (1) Jika kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan ia menduduki sesuatu peperiksaan dan ianya tidak dihalang daripada menduduki peperiksaan itu, maka ia hendaklah menduduki peperiksaan tersebut melainkan jika ia mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat, mengikut mana yang berkenaan.
- (2) Jika hal keadaan tidak mengizinkan pelajar untuk menduduki peperiksaan atau mendapatkan kebenaran seperti di dalam perenggan (1) dengan sebab atau alasan yang munasabah, dalam hal yang sedemikian pelajar itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh kemudiannya, memaklumkan kepada Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat itu alasan ketidakhadirannya.

7. Penggunaan Teks Kuliah

Pelajar tidak boleh menggunakan teks bagi sesuatu kuliah atau pengajaran yang disampaikan kepadanya di Kolej Universiti kecuali bagi maksud mengikuti kursus pengajiannya; khususnya, ia tidak boleh menyalin dengan apa-apa cara kesemua atau mana-mana bahagian daripada buku teks itu bagi maksud penerbitan, pembahagian atau pengedaran sama ada untuk mendapatkan bayaran atau tidak.

8. Mengaturkan atau Menghadiri atau Menyertai Perhimpunan

- (1) Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh mengadakan atau mengatur atau memanggil atau berhimpun atau menyebabkan diadakan, diatur, dipanggil berhimpun atau dipanggil atau perhimpunan dengan apa-apa cara terlibat dalam mengadakan, mengatur, memanggil berhimpun atau dipanggil atau dalam menyebab diadakan, diatur, dipanggil berhimpun atau memanggil atau dalam melakukan sesuatu perbuatan untuk mengadakan, mengatur, memanggil berhimpun atau memanggil sesuatu perhimpunan seramai lebih daripada lima (5) orang di mana-mana bahagian kampus atau atas mana-mana tanah atau dalam mana-mana bangunan yang dipunyai oleh atau yang ada di bawah milik atau kawalan Kolej Universiti atau digunakan untuk maksud-maksud Kolej

Universiti tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis dari Rektor atau pegawai yang diberi kuasa oleh Rektor untuk memberi kebenaran itu secara bertulis.

- (2) Pada memberi kebenaran secara bertulis yang tersebut dalam perenggan (1) Rektor atau orang yang diberi kuasa olehnya untuk memberi kebenaran itu boleh mengenakan apa-apa sekatan, had atau syarat yang difikirkannya perlu atau sesuai berhubung dengan perhimpunan yang dicadangkan itu.
- (3) Tiada seseorang pelajar boleh menghadiri atau menyertai sesuatu perhimpunan yang diadakan bertentangan dengan perenggan (1) dan (2).

9. Mempunyai, Memiliki, Menggunakan, Menjaga atau Mengawal Pembesar Suara dan sebagainya

Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh mempunyai, atau mengguna, atau ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya, sesuatu pembesar suara, pelaung, penguat suara atau lain-lain alat yang seumpamanya melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Rektor atau pegawai yang diberi kuasa olehnya tertakluk kepada apa-apa sekatan, had atau syarat sebagaimana yang difikirkan perlu dan sesuai.

10. Membuat, Mengguna, Menunjukkan, Memiliki Sepanduk, Kain Rentang, Panji, Pelakat, Pelekat dan sebagainya

- (1) Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh menggalakkan atau menyebabkan perbuatan-perbuatan melanggar tata tertib, kekacauan, keingkaran atau pelanggaran terhadap peraturan-peraturan ini dengan cara:-
 - a. membuat, menyebarkan, mengguna, mempamer, mengibar sepanduk, kain rentang, panji, pelakat, pelekat, dan apa-apa bahan dalam bentuk cetakan atau digital dengan apa-apa cara sekalipun; atau

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

- b. mempunyai atau ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya; sesuatu bendera, panji, pelakat, pelekat, poster, lambang atau lain-lain alat yang munasabah bagi tujuan di atas.

11. Menerbitkan Dokumen-dokumen dan Sebagainya

- (1) Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh menerbitkan, membahagi-bahagikan atau mengedarkan apa-apa dokumen di dalam atau di luar kampus yang boleh menjejaskan imej Islam atau Kolej Universiti atau negara melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Rektor atau pegawai yang diberi kuasa olehnya tertakluk kepada apa-apa sekatan, had atau syarat sebagaimana yang difikirkan perlu dan sesuai.
- (2) Kebenaran yang dikehendaki di bawah peraturan ini adalah tambahan kepada apa-apa lesen, permit atau lain-lain bentuk kebenaran yang mungkin dikehendaki di bawah mana-mana Undang-undang Malaysia yang berkuatkuasa.

12. Aktiviti-aktiviti Pelajar Di Luar Kampus

Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh mengatur, menjalankan atau menyertai sesuatu aktiviti di luar kampus yang boleh menjejaskan imej Islam atau Kolej Universiti atau negara melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Rektor atau pegawai yang diberi kuasa olehnya tertakluk kepada apa-apa sekatan, had atau syarat sebagaimana yang difikirkan perlu dan sesuai.

13. Mengambil Bahagian Dalam Pekerjaan

- (1) Pelajar tidak boleh, di dalam atau di luar kampus, mengambil bahagian dalam apa-apa pekerjaan, perniagaan, perdagangan atau lain-lain aktiviti yang dijalankan untuk mendapat keuntungan, sama ada sepenuh masa atau sambilan, melainkan setelah memaklumkan secara bertulis dan mendapat kebenaran bertulis daripada Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat;
- (2) Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat berhak menghalang pelajar melakukan pekerjaan yang bertentangan dengan Hukum Syara' atau yang boleh mencemarkan nama baik Kolej Universiti atau

apa-apa sebab yang difikirkan munasabah;

- (3) Kolej Universiti tidak bertanggungjawab terhadap sebarang risiko yang timbul akibat daripada pekerjaan yang dilakukan oleh pelajar dan hendaklah menjadi tanggungan pelajar sepenuhnya;
- (4) Perenggan (1) hendaklah tidak terpakai kepada pelajar-pelajar bagi program-program pengajian separuh masa dan pasca siswazah.

14. Menggunakan Nama Kolej Universiti

Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh menggunakan nama Kolej Universiti dalam membuat apa-apa kenyataan atau apa-apa komunikasi lain, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, kepada mana-mana individu atau media atau orang ramai dalam bentuk syarahan, ucapan, pernyataan awam atau sebarang bentuk penyiaran menggunakan suara atau gambar, berhubung dengan sesuatu perkara berkaitan dengan Kolej Universiti, pegawai-pegawainya atau pelajar-pelajarnya.

15. Bantahan Pelajar Terhadap Kemasukan Dan Pengusiran Mana-Mana Individu atau Kumpulan

Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh membuat apa-apa bantahan secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, terhadap kemasukan atau kehadiran mana-mana individu, badan atau kumpulan ke dalam kampus atau terhadap pengusiran atau penyingkiran mana-mana individu, badan atau kumpulan itu dari kampus melainkan dengan pertimbangan Kolej Universiti.

16. Judi di Dalam Kampus atau di Luar Kampus

Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh mengatur, mengurus atau membantu menjalankan, atau menyertai, atau ada bersama dalam apa-apa bentuk perjudian, pertaruhan atau loteri sama ada di dalam atau di luar kampus.

17. Meminum, Memiliki, Menghidu, Memproses, Mengedar, Menjual, Membeli atau Menyimpan Bahan-Bahan Yang Memabukkan atau Mengkhayalkan

- (1) Pelajar tidak boleh meminum, memiliki, menghidu, memproses, mengedar, menjual, membeli, atau menyimpan di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa minuman keras, bahan-bahan yang memabukkan atau mengkhayalkan di dalam atau di luar kampus;
- (2) Pelajar yang didapati meminum, memiliki, menghidu, memproses, mengedar, menjual, membeli, atau menyimpan di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa minuman keras, bahan-bahan yang memabukkan atau mengkhayalkan adalah melakukan kesalahan tatatertib.

18. Bahan-bahan Lucah

Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh:-

- (1) memiliki, ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah di dalam atau di luar kampus;
- (2) membahagi-bahagi, mengedar, menyebarkan, mempamer atau menyebabkan diedar, disebar atau dipamer atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam mengedar atau mempamer sesuatu bahan lucah sama ada kepada satu orang atau lebih;
- (3) menjadi objek lucah secara langsung atau tidak langsung, menerusi visual atau audio visual atau apa-apa cara sekalipun;
- (4) membaca atau mendengar atau menonton apa-apa bahan lucah;
- (5) mengeluarkan atau menulis kata-kata lucah atau menunjukkan isyarat lucah dengan apa-apa cara sekalipun; dan/ atau
- (6) merakam atau mengambil apa-apa visual atau audio visual yang boleh dikategorikan sebagai bahan lucah atau boleh menjatuhkan maruah mana-mana pihak.

19. Mengunjungi Pusat Hiburan

Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh mengunjungi mana-mana pusat hiburan.

20. Dadah, Racun dan Rokok, Bahan Mudah Terbakar, Senjata Berbahaya Dan Lain-lain Perkara Dilarang

- (1) Pelajar tidak boleh ada dalam milik atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa dadah atau racun atau rokok atau bahan-bahan mudah terbakar atau senjata berbahaya atau lain-lain perkara dilarang oleh Kolej Universiti dari semasa ke semasa sama ada di dalam dan di luar kampus.
- (2) Pelajar tidak boleh memberi, membekal, mengada atau menawarkan atau bercadang hendak memberi, membekal, mengadakan atau menawarkan apa-apa dadah atau racun atau rokok atau bahan-bahan mudah terbakar atau senjata berbahaya atau lain-lain perkara dilarang kepada mana-mana individu.
- (3) Pelajar tidak boleh makan atau minum atau menghisap atau menyedut atau memasukkan ke dalam badannya dengan jalan suntikan atau dengan apa-apa jua cara lain, apa-apa dadah atau racun atau apa-apa bahan yang boleh memudaratkan.
- (4) Tiada apa-apa jua dalam peraturan ini boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada menjalani apa-apa rawatan oleh atau di bawah preskripsi pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971.
- (5) Pelajar tidak dibenarkan merokok di dalam dan di luar kampus.

21. Mukaddimah Zina, Zina, Persetubuhan Luar Tabi'i, Homoseksual/ Lesbian, Muncikari atau Sebarang Bentuk Jenayah Seksual

- (1) Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh mengatur, mengurus atau membantu menjalankan atau menyertai atau ada bersama, apa-apa bentuk

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

perlakuan mukaddimah zina, zina, persetubuhan luar tabi'i, homoseksual/ lesbian, muncikari di dalam dan di luar kampus.

- (2) Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh terlibat dengan sebarang bentuk jenayah seksual di dalam dan di luar kampus termasuk mencabul kehormatan, merogol, sumbang mahram, liwat dan kelucahan melampau.

22. Pertubuhan Haram dan/atau Gengsterisme

Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh mengatur, mengurus atau membantu menjalankan, atau menyertai, atau ada bersama, apa-apa bentuk pertubuhan haram dan/atau gengsterisme di dalam atau di luar kampus.

23. Kebersihan Di Dalam Kampus

- (1) Pelajar tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam kampus atau kebersihan dan kekemasan mana-mana Kediaman, dewan kuliah, jalan, taman atau kebersihan atau kekemasan mana-mana bangunan atau binaan lain di dalam kampus.

- Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau
- (2) kumpulan pelajar tidak boleh menampal sebarang notis atau bahan bercetak kecuali di tempat yang dibenarkan dalam tempoh tertentu dengan kebenaran pihak Kolej Universiti.

24. Membuat bising

Pelajar tidak boleh membuat apa-apa bunyi, atau bising, atau menyebabkan apa-apa bunyi atau bising dikeluarkan dengan apa-apa cara, jika bunyi bising itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan gangguan kepada mana-mana individu di dalam dan di luar kampus.

25. Tempat Tinggal atau Tempat Tidur Di Kampus

Pelajar tidak dibenarkan menggunakan mana-mana tempat lain di dalam kampus sebagai tempat tinggal atau tempat tidur KECUALI HANYA tempat yang telah disediakan oleh Kolej Universiti sebagai tempat tinggal atau tempat tidurnya di dalam Kediaman TANPA kebenaran bertulis daripada Rektor atau pegawai yang telah diberi kuasa oleh Rektor.

26. Pergaulan Mengikut Hukum Syara'

- (1) Sebarang pertemuan, temujanji atau aktiviti secara berpasangan atau berkumpul di antara bukan mahram di dalam kawasan yang tertutup atau terbuka sehingga boleh menimbulkan syak wasangka atau keadaan yang mana menyimpang dari tingkah laku dan Hukum Syara' adalah dilarang sama sekali;
- (2) Sebarang aktiviti berkumpul oleh pelajar termasuk perbincangan berkumpul, perkhemahan, perkelahan yang melibatkan berlainan jantina di dalam atau di luar kampus tidak boleh dilaksanakan melainkan dengan pemantauan oleh pensyarah atau Pegawai Kolej Universiti;
- (3) Pelajar lelaki dan perempuan hendaklah melaksanakan prinsip syara', kesederhanaan, berbudi bahasa dan beradab sopan di tempat-tempat awam, ketika bermesyuarat, bersukan, dalam sebarang aktiviti kebudayaan, perhimpunan atau ketika berurusan untuk mengelakkan sebarang salah faham atau syak wasangka;
- (4) Pelajar lelaki dan perempuan masing-masing hendaklah berada di dalam kawasan yang ditentukan di sekitar kampus;
- (5) Pelajar lelaki dan perempuan adalah dilarang terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal atau bersama dalam keadaan yang bertentangan dengan Hukum Syara' atau membawa kepada syak wasangka;
- (6) Pelajar dilarang bersekedudukan atau duduk berdua-duaan dengan bukan mahram atau berkhawat;
- (7) Pelajar dilarang mengunjungi Kediaman bukan mahram;

- (8) Pelajar yang telah berkahwin secara sah mengikut undang-undang hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada pihak Kolej Universiti dan dilarang berkelakuan yang boleh menimbulkan syak wasangka atau salah anggap oleh orang ramai.

27. Peraturan Pakaian dan Penampilan Pelajar:

(1) Peraturan umum

- (a) Semua pelajar diwajibkan membawa kad pelajar sepanjang masa di dalam dan di luar kampus termasuk di kawasan Kediaman. Sebarang tukar milik kad pelajar adalah tidak dibenarkan;
- (b) Semua pelajar diwajibkan mempamerkan kad pelajar di bahagian atas pakaian dan semasa berada di kampus kecuali semasa menyertai aktiviti sukan;
- (c) Semua pelajar tidak dibenarkan memiliki atau memakai pakaian atau perhiasan yang melambangkan sesuatu simbol dari sesuatu organisasi atau persatuan luar kecuali dalam keadaan yang tertentu setelah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM);
- (d) Semua pelajar tidak dibenarkan memiliki atau memakai pakaian yang difikirkan tidak sesuai oleh pihak Kolej Universiti termasuk pakaian yang ketat, lusuh, jarang, beragam, koyak, singkat, jenis bermuda atau bertampal-tampal;
- (e) Semua pelajar tidak boleh memiliki atau memakai pakaian atau perhiasan yang mempamerkan sebarang rekaan, gambar, perkataan atau ungkapan yang tidak berlandaskan syariat Islam;
- (f) Semua pelajar boleh memakai pakaian kebangsaan dengan syarat tidak melanggar syariat Islam dan peraturan Kolej Universiti;
- (g) Semua pelajar perempuan tidak dibenarkan berpakaian

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

menyerupai lelaki dan semua pelajar lelaki tidak dibenarkan berpakaian menyerupai perempuan;

- (h) Semua pelajar tidak dibenarkan berpakaian dengan fesyen yang luar biasa atau keterlaluan termasuk *punk, skinhead, low waist* atau *gothic*;
- (i) Semua pelajar tidak dibenarkan berpenampilan secara keterlaluan termasuk solekan dan wangian berlebihan, fesyen rambut luar biasa atau berwarna, bertatu atau perhiasan yang keterlaluan;
- (j) Semua pelajar dilarang mengubahsuai pakaian seragam yang telah disediakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak Kolej Universiti.

(2) Peraturan berpakaian bagi pelajar perempuan Islam dan bukan Islam:-

- (a) Pakaian hendaklah menutup keseluruhan badan kecuali muka dan tapak tangan menurut tuntutan Islam; (*sila rujuk Lampiran A*)
- (b) Pakaian hendaklah dibuat daripada fabrik yang tidak jarang atau nipis yang menampakkan warna kulit atau bentuk badan. Pakaian hendaklah longgar, tidak ketat, tidak nipis sehingga menampakkan bentuk badan dan perlu dipakai bersama kain dalam. Pelajar perempuan juga perlu memakai bersama seluar panjang sekiranya menunggang/membonceng motorsikal/basikal;
- (c) Perhiasan, wangian atau solekan yang berlebihan, adalah tidak dibenarkan;
- (d) Tudung hendaklah menutup keseluruhan kepala dan leher serta melepasi bahu dan dada. Jenis tudung hendaklah tebal dan tidak menampakkan aurat iaitu rambut, telinga dan leher serta tudung perlu dijahit di bahagian tengah bagi menutup leher. Tudung yang berfesyen luar biasa, dari jenis material yang tipis dan melekap TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI;

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

- (e) Pelajar dilarang membawa, memiliki, menyimpan dan memakai jeans atau pakaian yang sendat dan ketat;
- (f) Pelajar hendaklah memakai kasut bersama stokin atau sarung kaki panjang yang tidak menampakkan warna kulit. Pelajar dilarang memakai selipar atau kasut bertumit melebihi setengah ($\frac{1}{2}$) inci;
- (g) Pelajar dibenarkan memakai seluar panjang yang longgar, baju T labuh yang longgar dan tidak jarang, berstoking bersama kasut/sandal di luar waktu kuliah/program rasmi Kolej Universiti bagi menghadiri aktiviti seperti riadhah/gotong-royong/kokurikulum atau aktiviti luar yang tidak rasmi sahaja;
- (h) Pelajar tidak dibenarkan memakai niqab/purdah semasa berada dalam kuliah, dewan peperiksaan, ~~kawasan kediaman siswi~~, sebarang majlis atau urusan rasmi atau dalam apa-apa keadaan yang difikirkan perlu sepertimana yang diarahkan oleh pihak Kolej Universiti;
- (i) Pelajar-pelajar bukan Islam digalakkan mengenakan pakaian yang sama seperti di Peraturan 2 (a) hingga (h) di atas dan memakai pakaian yang sederhana dan sopan yang tidak menarik perhatian terhadap mereka terutamanya ketika berada di dalam kampus.

(3) Peraturan berpakaian bagi pelajar lelaki Islam dan bukan Islam:-

- (a) Pakaian hendaklah menutup aurat anggota tubuh badan lelaki menurut tuntutan Islam;
- (b) Tidak boleh berpakaian menyerupai wanita;
- (c) Selipar, sandal yang tidak bersilang, baju T yang tidak berkolar, seluar panjang yang ketat atau londeh, tidak boleh dipakai oleh pelajar semasa waktu pejabat, perkuliahan, tutorial, upacara rasmi Kolej Universiti dan lain-lain aktiviti rasmi. Dalam semua keadaan di atas, seluar jenis jeans dan mana-mana seluar yang difikirkan tidak sesuai sama sekali tidak dibenarkan untuk dipakai;

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

- (d) Semua jenis baju T tidak dibenarkan untuk dipakai semasa menghadiri aktiviti-aktiviti rasmi Kolej Universiti dan lain-lain aktiviti rasmi kecuali dengan jelas dibenarkan oleh pihak berkuasa untuk aktiviti-aktiviti tertentu;
- (e) Sebarang pemakaian atau pemilikan rantai, anting-anting, gelang, atau sebarang aksesori yang dianggap keterlaluan adalah dilarang;
- (f) Rambut tidak boleh melebihi kolar, tidak boleh diwarnakan dan tidak boleh berbentuk atau berfesyen yang luar biasa termasuk *mohawk, shaggy, afro, dreadlock* atau *amo*;
- (g) Hanya songkok hitam yang tidak berlilit/kopiah hitam atau putih sahaja dibenarkan untuk dipakai ketika menghadiri kelas, majlis dan urusan rasmi Kolej Universiti dan lain-lain aktiviti rasmi;
- (h) Kemeja *'tucked-in'*, seluar slack, kasut berwarna gelap dan berstoking diwajibkan dipakai ketika menghadiri kelas, majlis dan urusan rasmi Kolej Universiti dan lain-lain aktiviti rasmi. Pada hari Jumaat, pelajar-pelajar lelaki diberi pilihan sama ada memakai baju kebangsaan lengkap atau baju kemeja *'tucked-in'* atau jubah putih; (*sila rujuk Lampiran B*)
- (i) Pelajar hanya dibenarkan memakai tali pinggang berwarna hitam atau gelap dan kepala tali pinggang tidak melebihi 4cm panjang dan tidak mempunyai simbol atau corak yang tidak melambangkan imej pelajar muslim.

(4) Pakaian yang dikenakan hendaklah sopan, kemas dan bersih

Pakaian yang dipakai atau dikenakan oleh pelajar hendaklah menepati kehendak syariat, sopan, kemas dan dalam keadaan bersih.

28. Memasuki Bahagian atau Kawasan Larangan Kampus atau Bangunan

Seseorang pelajar atau kumpulan pelajar tidak boleh memasuki mana-mana bahagian atau kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan larangan di dalam kampus melainkan dengan kebenaran Kolej Universiti.

29. Mencuri, Merompak, Meragut, Menyamun atau Mengambil Tanpa Kebenaran

Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh mengatur, mengurus atau membantu menjalankan, atau menyertai, atau ada bersama, melakukan apa-apa perbuatan mencuri, merompak, meragut, menyamun atau mengambil apa-apa barang atau harta tanpa kebenaran di dalam dan di luar kampus.

30. Keingkaran

Jika seseorang pelajar tidak mematuhi atau melanggar atau mengingkari sesuatu arahan atau kehendak yang sah yang diberi atau dibuat oleh mana-mana pegawai Kolej Universiti yang diberi kuasa untuk memberi atau membuatnya dalam kampus maka pelajar itu adalah bersalah atas suatu kesalahan tatatertib.

BAHAGIAN III
TATATERTIB KEDIAMAN

**BAHAGIAN III
TATATERTIB KEDIAMAN**

31. Semua Pelajar Wajib Menetap di Kediaman

- (1) Tiada pelajar dibenarkan menetap di luar Kediaman sepanjang tempoh pengajian kecuali dengan kebenaran bertulis dari pegawai yang diberi kuasa oleh KUIS.
- (2) Perenggan (1) adalah tidak terpakai kepada pelajar-pelajar bagi program-program pengajian separuh masa dan pasca siswazah.
- (3) Walau apapun, mana-mana pelajar bagi program-program pengajian separuh masa dan pasca siswazah yang mendiami mana-mana Kediaman tanpa mendaftar masuk terlebih dahulu untuk mana-mana sesi pengajian adalah melakukan kesalahan.

32. Tanggungjawab Pelajar Untuk Mendaftar Masuk dan Mendaftar Keluar

- (1) Semua pelajar hendaklah mendaftar masuk dan mendaftar keluar pada setiap semester.
- (2) Semua pelajar yang tamat pengajian atau tangguh pengajian atau berhenti dikehendaki mendaftar keluar.
- (3) Semua pelajar yang mendaftar keluar hendaklah mengosongkan bilik dengan membawa pulang barangan peribadi.

33. Tanggungjawab Pelajar Untuk Mengikuti Program Yang Disusun oleh Pihak Kolej Universiti dan Bahagian Kediaman & Penempatan Mahasiswa (BKPM)

- (1) Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri sebarang aktiviti anjuran pihak Kolej Universiti dan Bahagian Kediaman dan Penempatan Mahasiswa (BKPM), ia hendaklah menghadirinya melainkan jika ia mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengetua dan melainkan jika hal keadaan tidak mengizinkan ia untuk mendapatkan kebenaran itu dan ada sebab atau alasan yang

munasabah kerana tidak hadir itu, dan dalam hal yang demikian pelajar itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh kemudiannya, memberitahu kepada Pengetua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa sebab ia tidak hadir dan hendaklah mendapat kelulusan berkenaan dengannya.

- (2) Sebarang aktiviti anjuran pelajar atau orang luar hendaklah mendapat kelulusan bertulis Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM) dan/ atau Bahagian Kediaman dan Penempatan Mahasiswa (BKPM).

34. Menceroboh Bilik Atau Berada Di Kawasan Kediaman Pelajar Berdaftar

- (1) Tiada seseorang boleh menceroboh masuk ke bilik yang telah didaftarkan untuk didiami oleh seorang pelajar berdaftar KECUALI pegawai atau wakil Kolej Universiti yang dilantik bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya atau seseorang yang telah mendapat kebenaran oleh pihak Kolej Universiti.
- (2) Peraturan 34 ini tidak boleh disifatkan sebagai larangan bagi seseorang pelajar daripada memasuki bilik seseorang pelajar berdaftar dari jantina yang sama untuk lawatan sosial yang biasa.
- (3) Pelajar berdaftar tidak boleh membenarkan orang luar masuk ke kawasan Kediaman tanpa kebenaran Kolej Universiti.
- (4) Pelajar berdaftar tidak boleh membenarkan orang luar mendiami bilik atau tempat Kediaman yang telah didaftarkan baginya.
- (5) Pelajar berdaftar tidak dibenarkan menetap selain daripada bilik yang didaftarnya.
- (6) Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab seseorang pelajar berdaftar memastikan supaya sekatan-sekatan dalam perenggan (1) dan (2) dipatuhi dengan sepenuhnya.

35. Kawasan Larangan

- (1) Kawasan Kediaman pelajar wanita merupakan kawasan larangan bagi lelaki dan begitu juga sebaliknya.
- (2) Pelawat hanya dibenarkan berada di ruangan yang disediakan sahaja. Pelajar berdaftar hendaklah memastikan supaya pelawat meninggalkan Kediaman sebelum pukul sebelas (11.00) malam.

36. Menghalang Pegawai Yang Diberi Kuasa Daripada Menjalankan Tugas

- (1) Seseorang pelajar tidak boleh melakukan sesuatu untuk menghalang, menyekat atau menahan seseorang pegawai, pekerja atau wakil Kolej Universiti yang diberi kuasa daripada memasuki bilik pelajar itu dari menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya di dalam bilik itu.
- (2) Seseorang pelajar yang tidak memberi kerjasama kepada pegawai dilantik adalah dianggap melakukan kesalahan dan dianggap menghalang pegawai yang diberi kuasa daripada menjalankan tugas.

37. Berada Di Luar Kediaman Pada Waktu Malam

Seseorang pelajar berdaftar tidak boleh berada di luar Kediaman selepas jam sebelas (11.00) malam, kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak pegawai yang dilantik.

38. Berada Dalam Premis Kediaman Selepas Jam Sebelas (11.00) Malam

Selepas jam sebelas (11.00) malam, pelajar yang tidak berdaftar tidak boleh berada dalam premis Kediaman kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak pegawai yang diberi kuasa.

39. Tanggungjawab Dan Cermat Dalam Menggunakan Kemudahan Di Premis Kediaman

- (1) Seseorang pelajar berdaftar hendaklah menggunakan premis Kediaman dengan cermat yang sewajarnya dan tidak boleh melakukan sesuatu yang mencacat, mengotor atau menyebabkan

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

apa-apa kerosakan dan pembaziran kepada mana-mana bahagian kawasan atau bangunan atau kepada apa-apa benda atau kelengkapan di dalamnya.

- (2) Pelajar berdaftar dilarang menampal poster, gambar, risalah atau apa-apa bahan bertulis/bercetak dan sebagainya di dalam atau di luar bangunan dan kawasan Kediaman kecuali dengan kebenaran BKPM dan ditampal ditempat yang ditentukan.
- (3) Pelajar berdaftar hendaklah memastikan bilik sentiasa dikunci untuk tujuan keselamatan.
- (4) Pelajar berdaftar tidak dibenarkan membuat salinan pendua kunci bilik. Sekiranya berlaku kehilangan kunci, pelajar berdaftar hendaklah melaporkan kepada BKPM.
- (5) Pelajar berdaftar tidak dibenarkan mengubah susun atur kelengkapan yang sedia ada di dalam bilik Kediaman kecuali dengan kebenaran pegawai yang diberi kuasa.
- (6) Semua pelajar berdaftar bertanggungjawab ke atas kebersihan pantri, bilik mandi dan tandas.
- (7) Pelajar berdaftar hanya dibenarkan untuk memasak air di pantri yang dikhaskan.
- (8) Pelajar berdaftar dilarang membuang sisa makanan dan bahan buangan ke dalam sinki, lubang tandas atau mana-mana tempat yang tidak wajar.

40. Larangan Kacau Ganggu

Dalam menggunakan premis Kediaman dan kemudahan-kemudahan di dalamnya, seseorang pelajar hendaklah berhemat cermat bagi memastikan supaya ia tidak dengan demikian itu menyebabkan apa-apa kesusahan, kegusaran, halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana individu.

41. Pelajar Berdaftar Tidak Boleh Berpindah Bilik Tanpa Kebenaran

Jika seseorang pelajar berdaftar diperuntukan sebuah bilik untuk didiami oleh Kolej Universiti, seseorang pelajar berdaftar itu tidak boleh berpindah ke mana-mana bilik lain tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang diberi terlebih dahulu oleh atau bagi pihak BKPM.

42. Pelajar Berdaftar Hendaklah Mengosongkan atau Berpindah Tempat Kediaman Apabila Dikehendaki oleh Kolej Universiti

- (1) Seseorang pelajar berdaftar hendaklah mendiami sesuatu Kediaman mengikut budi bicara dan ketetapan Kolej Universiti.
- (2) Sekiranya pihak Kolej Universiti mengkehendaki seseorang pelajar berdaftar mengosongkan Kediaman atau berpindah dari tempat Kediamannya, dia hendaklah berbuat demikian dengan membawa semua barang peribadi miliknya sahaja dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kolej Universiti.
- (3) Mana-mana pelajar berdaftar yang gagal mematuhi kehendak atau arahan Kolej Universiti dalam perenggan (2) adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan mana-mana satu hukuman atau lebih hukuman tatatertib.
- (4) Sekiranya pelajar gagal mengosongkan Kediaman sebagaimana yang dikehendaki oleh Kolej Universiti, Kolej Universiti boleh melupuskan atau membuat apa-apa keputusan terhadap barang peribadi pelajar yang ditinggalkan di dalam mana-mana bahagian Kediaman.
- (5) Pihak Kolej Universiti tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung terhadap sebarang kecacatan, kerosakan atau kehilangan barang peribadi pelajar atas tindakan yang dilaksanakan oleh Kolej Universiti di bawah perenggan (3).

43. Menutup Aurat

Semua pelajar diwajibkan menutup aurat dan berpakaian sopan ketika berada di dalam atau di luar Kediaman.

44. Kuasa-kuasa Pegawai

- (1) Kolej Universiti boleh melantik mana-mana Pegawai secara lisan atau bertulis untuk melaksanakan mana-mana peruntukan di dalam peraturan ini atau peraturan lain yang dikuatkuasakan oleh Kolej Universiti.
- (2) Pegawai yang dilantik di dalam perenggan (1) hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut :-
 - (a) Dari semasa ke semasa, memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, suruhan atau arahan yang difikirkan perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman dan keselamatan dalam Kediaman, dan adalah menjadi kewajipan setiap pelajar bagi mematuhi perintah, suruhan atau arahan itu;
 - (b) Mewujudkan peraturan-peraturan kecil mengenai Kediaman; atau
 - (c) Melaksanakan apa-apa tindakan berkaitan Kediaman yang difikirkan perlu bagi melaksanakan Ta'dib kepada pelajar KUIS.

45. Pelanggaran terhadap peraturan-peraturan di bawah Bahagian ini, adalah suatu kesalahan

- (1) Mana-mana pelanggaran peruntukan di bawah Bahagian ini dan mana-mana peraturan kecil mengenai Kediaman adalah menjadi suatu kesalahan.
- (2) Mana-mana pelanggaran peraturan di bawah Bahagian ini boleh dikenakan tindakan tatatertib. Tertakluk kepada Lampiran 1 dan Lampiran 2

**BAHAGIAN IV
TATATERTIB
LALULINTAS**

**BAHAGIAN IV
TATATERTIB LALULINTAS**

46. Kebenaran Bertulis Bagi Pelajar-Pelajar Yang Menyimpan, Memiliki atau Membawa Kenderaan Bermotor Di Dalam Kampus

- (1) Pelajar tidak dibenarkan menyimpan, memiliki atau membawa kenderaan bermotor di dalam kampus kecuali yang berikut;
 - (a) Pelajar tahun akhir program pengajian diploma dan sarjana muda;
 - (b) Pelajar pengajian separuh masa dan pasca siswazah;
 - (c) Pelajar selain yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b) yang diberi kebenaran bertulis atas alasan yang difikirkan munasabah oleh Kolej Universiti.
- (2) Pelajar di perenggan (1) (a) dan (b) hendaklah memohon kepada Kolej Universiti atau mana-mana pihak yang diberi kuasa olehnya untuk mendapatkan satu kebenaran bertulis sebagaimana yang ditetapkan oleh Kolej Universiti.

47. Pendaftaran Kenderaan

Pelajar yang dinyatakan di perenggan (1) (a) hingga (c) hendaklah mendaftarkan kenderaannya dengan Kolej Universiti mengikut prosedur yang ditetapkan.

48. Menaiki kenderaan bersama bukan mahram

Pelajar tidak boleh menaiki atau menumpang kenderaan bersama bukan mahram kecuali dengan kebenaran Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM).

49. Had Laju

Pelajar tidak boleh memandu sesebuah kenderaan bermotor dalam kampus melebihi had laju yang ditetapkan oleh Kolej Universiti.

50. Laluan Kenderaan

Pelajar hendaklah memandu atau menunggang kenderaan hanya dilaluan kenderaan yang ditetapkan oleh Kolej Universiti.

51. Meletak kenderaan

- (1) Pelajar hendaklah meletak kenderaan ditempat parkir yang telah ditentukan.
- (2) Pelajar tidak boleh meletak kenderaan dengan apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan atau kesusahan kepada mana-mana individu atau kenderaan lain.

52. Menunggang dan Membonceng

- (1) Seseorang pelajar yang memandu sesebuah kenderaan beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada seorang pembonceng di atas kenderaan itu.
- (2) Pelajar tidak boleh membawa seseorang di atas kenderaan beroda dua melainkan jika orang itu duduk membonceng di belakang pemandu itu atas sesuatu tempat duduk yang direka bentuk dengan sempurna yang dipasang kepada kenderaan itu dengan kukuh.

53. Arahan Dan Tanda Lalulintas Hendaklah Dipatuhi

Seseorang pelajar hendaklah mematuhi semua arahan lalulintas dan semua tanda isyarat lalulintas.

54. Mengemukakan Lesen Memandu, Kad Pelajar dan/ atau Kad Pengenalan Diri Apabila Diminta

Mana-mana pelajar yang memandu atau menjaga atau mengawal sesebuah kenderaan bermotor hendaklah membawa bersamanya suatu lesen memandu yang masih sah dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan juga kad pelajarinya dan/atau kad pengenalan dirinya hendaklah mengemukakannya untuk diperiksa oleh seseorang pegawai apabila dikehendaki berbuat demikian.

55. Halangan Kepada Aliran Lalulintas

Seseorang pelajar tidak boleh melakukan dengan apa-apa cara atau perbuatan yang menghalang atau mengganggu kelancaran atau ketertiban perjalanan lalulintas di dalam kampus.

56. Kemalangan/ Kerosakan Akibat Kecuaian

Sebarang kemalangan/ kerosakan akibat kecuaiian pelajar dalam pemanduan atau pengendalian kenderaan adalah satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan tatatertib.

57. Pemakaian Akta Pengangkutan Jalan 1987

- (1) Peruntukan-peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan semua peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah terpakai kepada semua pelajar Kolej Universiti.
- (2) Tiada apa-apa jua dalam perenggan (1) boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pelajar atau orang lain di dalam kampus kerana apa-apa kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

**BAHAGIAN V
PENGINGKARAN
ATAU
PELANGGARAN
PERATURAN
TATATERTIB**

BAHAGIAN V

PENGIKARAN ATAU PELANGGARAN PERATURAN TATATERTIB

58. Peningkaran atau Pelanggaran Peraturan Tatatertib

Mana-mana pelajar, kesatuan, persatuan, organisasi, badan atau kumpulan pelajar tidak mematuhi atau melanggar dan menyalahi mana-mana peraturan-peraturan tatatertib yang dinyatakan di Bahagian II sehingga Bahagian IV, boleh dikenakan tindakan tatatertib atau dikenakan denda atau bayaran ganti rugi, mengikut jenis kesalahan yang dilakukan dan penilaian Pihak Berkuasa Tatatertib.

BAHAGIAN VI
HUKUMAN
&
PROSEDUR

BAHAGIAN VI HUKUMAN

DAN PROSEDUR

59. Hukuman Kesalahan Tatatertib

- (1) Seseorang pelajar yang telah disabitkan bersalah atas satu atau lebih kesalahan tatatertib boleh dikenakan mana-mana satu atau lebih hukuman-hukuman yang berikut:
 - a) diberi amaran secara bertulis;
 - b) didenda tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) sahaja;
 - c) membayar ganti rugi;
 - d) dihalang daripada menggunakan mana-mana atau kesemua kemudahan Kolej Universiti dalam tempoh yang ditentukan;
 - e) dihalang berada di mana-mana bahagian atau aktiviti Kolej Universiti dalam tempoh yang ditentukan;
 - f) digantung pengajian dalam tempoh yang ditentukan;
 - g) diberhentikan daripada Kolej Universiti; dan/ atau
 - h) apa-apa hukuman yang wajar atau patut atau adil yang perlu pada budi bicara Pihak Berkuasa Tatatertib.
- (2) Sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib menjatuhkan hukuman gantung pengajian bagi dua atau lebih kesalahan tatatertib, hukuman tersebut hendaklah berjalan secara serentak atau berasingan, tertakluk kepada budi bicara Pihak Berkuasa Tatatertib.

60. Hadir Di Hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib

Jika pada pendapat Pihak Berkuasa Tatatertib seseorang pelajar telah melakukan suatu kesalahan tatatertib, Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah, sama ada secara lisan atau secara bertulis, mengarahkan pelajar itu hadir di hadapannya di sesuatu bilik tatatertib, pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib itu.

61. Akibat Tidak Hadir Di Hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib

Jika seseorang pelajar tidak hadir di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib mengikut kehendak di bawah peraturan 60 tanpa sebab yang munasabah:-

- (i) Ia hendaklah serta-merta, berkaitan dengan itu, digantung daripada menjadi pelajar Kolej Universiti dengan serta merta dan ia tidak boleh selepas daripada itu berada di dalam kampus atau masuk ke dalamnya, dan penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga pelajar itu menawarkan diri untuk hadir di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib pada tarikh dan pada masa yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib; atau
- (ii) Pihak Berkuasa Tatatertib boleh menjatuhkan hukuman dalam ketidakhadirannya

62. Fakta-Fakta Kesalahan Tatatertib Hendaklah Dijelaskan Dan Pengakuan Hendaklah Diambil

Dalam prosiding tatatertib di dalam bilik tatatertib, Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah menjelaskan kepada pelajar itu fakta-fakta mengenai kesalahan tatatertib yang didakwa telah dilakukan oleh pelajar itu dan meminta ia membuat pengakuan sama ada bersalah atau tidak bersalah atas kesalahan itu.

63. Pengakuan Bersalah

Jika pelajar itu mengaku bersalah, Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah menjelaskan fakta-fakta kes itu kepadanya; jika ia mengakui fakta-fakta itu, Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah mensabitkan ia bersalah atas kesalahan tatatertib itu dan ia boleh membuat apa-apa rayuan untuk mendapatkan hukuman yang lebih ringan.

64. Pengakuan Tidak Bersalah

Jika pelajar itu mengaku tidak bersalah atas kesalahan tatatertib atau gagal atau enggan membuat atau tidak mengaku fakta-fakta kes itu, Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah memeriksa mana-mana saksi atau apa-apa dokumen atau apa-apa juga bukti lain bagi menyokong kes itu terhadap pelajar itu; pelajar itu dibenarkan dengan pertimbangan Pihak Berkuasa Tatatertib menyoal saksi itu dan memeriksa dokumen atau bukti itu dan Pihak Berkuasa Tatatertib boleh memeriksa semula saksi itu.

65. Keterangan Pelajar

Selepas keterangan dan pengakuan pelajar di bawah peraturan 64 diterima, pelajar itu hendaklah diminta memberi keterangannya, pelajar tersebut boleh memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau apa-apa juga bukti lain untuk pembelaannya; Pihak Berkuasa Tatatertib boleh menyoal pelajar itu dan/atau mana-mana daripada saksi-saksinya, dan memeriksa mana-mana dokumen atau bukti itu, dan pelajar itu boleh memeriksa semula mana-mana daripada saksi-saksinya itu.

66. Kuasa Pihak Berkuasa Tatatertib Menyoal Atau Memanggil Semula Saksi

Pihak Berkuasa Tatatertib boleh menyoal atau memanggil semula mana-mana saksi pada bila-bila masa sebelum ia memutuskan penghakiman.

67. Mengumumkan Keputusan

Selepas mendengar keterangan pelajar atau saksi-saksi dan memeriksa dokumen-dokumen atau lain-lain bukti yang dikemukakan di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib, maka Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah mengemukakan keputusan penghakiman dalam kes itu, dan jika ia memutuskan bahawa pelajar itu disabitkan bersalah atas kesalahan tatatertib itu, Pihak Berkuasa Tatatertib bolehlah meminta pelajar itu membuat apa-apa rayuan.

68. Mengenakan Hukuman

Selepas pelajar itu membuat rayuan untuk mendapatkan hukuman ringan, jika ada, di bawah peraturan 63 atau 64, mengikut mana yang berkenaan, Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah mengenakan ke atas pelajar itu mana-mana hukuman-hukuman yang dinyatakan dalam peraturan 59.

69. Jagaan Dan Pelupusan Eksibit

- (1) Pihak Berkuasa Tatatertib boleh memerintahkan apa-apa dokumen atau apa-apa jua bukti lain yang dikemukakan di hadapannya semasa menjalankan mana-mana prosiding tatatertib supaya disimpan dalam jagaannya atau dalam jagaan orang yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib itu sementara menanti tamatnya prosiding tatatertib atau rayuan tatatertib itu.
- (2) Pihak Berkuasa Tatatertib bolehlah, apabila tamat prosiding tatatertib di hadapannya, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk melupuskan apa-apa dokumen atau apa-apa juga bukti lain yang dikemukakan di hadapannya semasa menjalankan prosiding tatatertib atau apa-apa perintah lain yang berkaitan dengan dokumen atau apa-apa juga bukti lain yang difikirkan sesuai.
- (3) Perintah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib di dalam perenggan (2) hendaklah berkuatkuasa serta-merta atau pada suatu masa yang ditentukan olehnya.

70. Rakaman Audio dan/atau Nota-nota Bertulis Prosiding Tatatertib

Pihak Berkuasa Tatatertib yang mengambil tindakan tatatertib terhadap seseorang pelajar di bawah peraturan 60 hingga 68, bolehlah membuat atau mengarahkan dibuat rakaman audio dan/atau nota-nota bertulis mengenai prosiding itu.

71. Menyimpan Rakaman Audio dan/ atau Nota-nota Bertulis

Rakaman audio dan/ atau nota-nota bertulis yang tersebut dalam peraturan 70 hendaklah disimpan oleh Timbalan Rektor atau pegawai yang diberi kuasa.

72. Rekod Prosiding Tatatertib

Timbalan Rektor atau pegawai yang diberi kuasa hendaklah mengadakan rekod bagi semua prosiding tatatertib yang dijalankan di bawah peraturan-peraturan ini; dan rekod itu hendaklah merekodkan nama pelajar, butir-butir kesalahan tatatertib, perkembangan prosiding, keputusan prosiding, dan lain-lain maklumat atau butiran sebagaimana yang diarahkan olehnya.

73. Keputusan Prosiding Kepada Ibu bapa Dan Rektor

Jika seseorang pelajar telah didapati bersalah atas atau sesuatu kesalahan tatatertib, Timbalan Rektor hendaklah menghantar satu salinan keputusan prosiding tatatertib kepada ibu bapa atau penjaga pelajar itu dan kepada Rektor atau jika pelajar itu pelajar yang ditaja, kepada penaja atau pihak berkuasa yang memberi biasiswa itu.

74. Membayar Denda

Jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan suatu hukuman denda ke atas pelajar itu, ia hendaklah membayar denda dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tamat tempoh rayuan kepada Kolej Universiti.

75. Akibat Tidak Membayar Denda

Jika pelajar itu tidak membayar denda itu dalam tempoh yang ditentukan di bawah peraturan 74, ia hendaklah serta-merta digantung pengajiannya dan tidak boleh selepas daripada itu berada di dalam kampus atau masuk ke dalamnya; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga denda itu dibayar sepenuhnya.

76. Perintah Membayar Ganti rugi

(1) Jika apa-apa hukuman dikenakan ke atas seseorang pelajar di bawah peraturan 59, maka Pihak Berkuasa Tatatertib boleh, selain daripada itu, memerintahkan pelajar itu membayar ganti rugi sebanyak yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan dengan apa-apa kerosakan kepada mana-mana

harta atau berkenaan dengan apa-apa kerugian atau bencana kepada mana-mana orang, yang pelajar itu mungkin didapati bertanggungjawab ke atasnya oleh Pihak Berkuasa Tatatertib semasa menjalankan prosiding tatatertib itu; seseorang pelajar boleh diperintahkan membayar ganti rugi di bawah perenggan ini tidak kira sama ada harta yang rosak itu kepunyaan Kolej Universiti atau kepunyaan orang lain.

- (2) Kadar bayaran ganti rugi yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib di bawah perenggan (1) hendaklah yang berpatutan dan munasabah dengan memberi perhatian kepada segala hal keadaan kes itu dan hal keadaan orang-orang yang terlibat.
- (3) Ganti rugi yang ditetapkan di bawah perenggan (1) hendaklah dibayar oleh pelajar itu kepada Kolej Universiti dalam tempoh yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib.
- (4) Sekiranya melibatkan pihak ketiga, Kolej Universiti hendaklah membayar wang ganti rugi yang dibayar oleh pelajar di bawah perenggan (3) itu kepada pihak ketiga yang diperakui oleh Pihak Berkuasa Tatatertib sebagai berhak menerimanya.
- (5) Apa-apa ganti rugi yang perlu dibayar di bawah peraturan ini adalah tidak menyentuh hak mana-mana orang di bawah peraturan 77.

77. Orang-Orang Yang Boleh Hadir Dalam Prosiding Tatatertib

Tiada seseorang pun boleh hadir dalam sesuatu prosiding tatatertib kecuali:

- a) Pihak Berkuasa Tatatertib dan kakitangannya;
- b) Pelajar yang didakwa;
- c) Ibubapa atau penjaga pelajar yang didakwa atau pihak berkuasa atau badan penaja biasiswa pelajar itu atau mana-mana orang lain yang dibenarkan hadir oleh Pihak Berkuasa

Tatatertib kerana sesuatu sebab yang khas dengan syarat mendapat keizinan Pihak Berkuasa Tatatertib; atau

- d) Mana-mana orang yang dikehendaki menjadi saksi semasa ia memberi keterangan, atau apabila dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Tatatertib.

78. Hukuman Lain Yang Bukan Di Bawah Prosiding Tatatertib

Sekiranya kesalahan yang dilakukan pelajar tidak memenuhi kelayakan di bawah peraturan 60 dan tidak boleh dijatuhkan hukum di bawah peraturan 59, Pihak Berkuasa Tatatertib boleh :

- (a) Mengenakan denda tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) sahaja bagi setiap kesalahan yang dilakukan sebagaimana disenaraikan di Lampiran 1;
- (b) Mengenakan bayaran ganti rugi sebagaimana dinyatakan di Lampiran 2; dan/ atau
- (c) Mengarahkan proses ta'dib ke atas pelajar.

BAHAGIAN VII RAYUAN

**BAHAGIAN VII
RAYUAN**

79. Notis Rayuan

- (1) Jika seseorang pelajar tidak berpuas hati dengan keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib, pelajar boleh memberi notis rayuan secara bertulis terhadap keputusan itu dengan menyerahkan kepada Rektor suatu notis rayuan dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh keputusan itu telah diberi.
- (2) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan dengan jelas alasan-alasan rayuan itu.

80. Rayuan Kepada Rektor

- (1) Rektor boleh, apabila menerima notis rayuan tatatertib itu, meminta apa-apa maklumat atau butiran lanjut yang difikirkannya patut, berkaitan dengan prosiding tatatertib itu dan membuat keputusan rayuan.
- (2) Jika Rektor menolak secara terus rayuan tersebut, keputusan Rektor itu hendaklah disampaikan kepada pelajar itu.

81. Rayuan Tidak Menggantung Pelaksanaan Suatu Hukuman

Sesuatu rayuan yang dibuat oleh seseorang pelajar adalah tidak berkuatkuasa sebagai menggantung pelaksanaan hukuman yang dikenakan di bawah peraturan 59 atau sebagai menggantung pembayaran apa-apa denda atau ganti rugi yang diperintahkan dibayar di bawah peraturan 78, tetapi Timbalan Rektor boleh menggantung pelaksanaan mana-mana hukuman sementara menanti rayuan.

BAHAGIAN VIII
AM

**BAHAGIAN VIII
AM**

82. Autoriti Pihak Berkuasa

- (1) Pada bila-bila masa, Pihak berkuasa yang dilantik oleh Kolej Universiti dengan ini mempunyai kuasa untuk:
 - a) Mengeluarkan saman dan menguatkuasakan peraturan-peraturan seperti yang termaktub di bawah peraturan Kolej Universiti;
 - b) Melakukan soal siasat;
 - c) Melakukan pemeriksaan fizikal;
 - d) Memeriksa Kediaman dan barangan peribadi pelajar termasuk beg, almari, komputer, telefon bimbit, peranti komputer, kenderaan untuk tujuan siasatan; dan/atau
 - e) Merampas bahan-bahan yang disyaki mempunyai atau mengandungi bahan terlarang bagi tujuan siasatan lanjut;
 - f) Mengunci tayar kenderaan (clamp) sekiranya diletakkan ditempat yang bukan dikhaskan untuk paker;
 - g) Melaksanakan apa-apa tindakan lain yang dirasakan perlu dan munasabah bagi maksud peraturan ini.
- (2) Pihak berkuasa yang dimaksudkan di bawah perenggan ini adalah seperti berikut:
 - a) Pentadbir;
 - b) Jawatankuasa Tatatertib;
 - c) Pengetua Kediaman/ Felo Mahallah;
 - d) Ketua atau Pengawal Keselamatan;
 - e) Ketua Seksyen Disiplin Bahagian Pembangunan Mahasiswa; dan/ atau

- f) Mana-mana pegawai atau jawatankuasa yang dilantik dari semasa ke semasa oleh Kolej Universiti.
- (3) Pihak selain pihak berkuasa yang dinyatakan di bawah perenggan (2) adalah berhak untuk memberi nasihat dan teguran secara berhikmah.

83. Tanggungan Tatatertib Pemegang Jawatan Dalam Apa-Apa Pertubuhan, Badan atau Kumpulan Pelajar

- (1) Jika sesuatu kesalahan tatatertib telah dilakukan di bawah peraturan-peraturan ini, sama ada seseorang pelajar telah didapati bersalah berkenaan dengannya atau tidak dan kesalahan tatatertib itu telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan atas nama atau bagi pihak sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Kolej Universiti yang ditubuhkan oleh mereka, di bawah atau mengikut perlembagaan atau atas nama atau bagi pihak lain-lain pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Kolej Universiti, maka tiap-tiap pelajar yang mengurus atau membantu dalam badan atau kumpulan itu pada masa kesalahan tatatertib itu dilakukan hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan tatatertib itu dan boleh dikenakan hukuman kerananya, melainkan jika ia membuktikan dengan memuaskan hati Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan bahawa kesalahan tatatertib itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya dan bahawa ia telah menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mencegah berlakunya kesalahan tatatertib itu.
- (2) Tindakan boleh diambil di bawah peraturan ini terhadap mana-mana pemegang jawatan atau seseorang pelajar yang mengurus atau membantu dalam pengurusan, mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang tersebut dalam pengurusan, mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang tersebut dalam perenggan (1) walaupun ia mungkin telah tidak mengambil bahagian dalam melakukan kesalahan tatatertib itu.
- (3) Sebarang bentuk penyelewengan dan salah guna kuasa adalah termasuk di bawah kesalahan tatatertib dan boleh dibicarakan.
- (4) Dalam sesuatu prosiding tatatertib di bawah peraturan ini mengenai seseorang pemegang jawatan, atau seseorang pelajar yang mengurus atau membantu dalam pengurusan

mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang tersebut dalam perenggan (1), apa-apa dokumen yang dijumpai dalam milik seseorang pemegang jawatan, atau seseorang pelajar yang mengurus atau membantu dalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan itu, atau dalam milik seseorang ahli pertubuhan, badan atau kumpulan itu adalah keterangan *prima facie* mengenai kandungan dokumen itu bagi maksud membuktikan bahawa sesuatu telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan oleh atau bagi pihak pertubuhan, badan atau kumpulan itu.

84. Anggapan

Dalam mana-mana prosiding terhadap seseorang pelajar:

- a) Adalah tidak perlu membuktikan bahawa sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar mempunyai sesuatu nama atau bahawa ia telah ditubuhkan atau ia adalah biasanya dikenali dengan sesuatu nama yang tertentu;
- b) Jika apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai ahli-ahli, meteri, panji-panji atau lambang bagi atau berhubung dengan atau berupa sebagai berhubung dengan sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan orang dijumpai dalam milik, jagaan atau kawalan seseorang pelajar, maka hendaklah dengan dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa pelajar itu adalah seorang ahli pertubuhan, badan atau kumpulan itu dan pertubuhan, badan atau kumpulan itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai telah sedia ada pada masa buku, akaun, tulisan, senarai ahli-ahli, meteri, panji-panji atau lambang itu dijumpai sedemikian; dan/ atau
- c) Jika apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai ahli-ahli, meteri, panji-panji atau lambang bagi atau berhubung dengan atau berupa sebagai berhubung dengan, sesuatu pertubuhan badan atau kumpulan orang dijumpai dalam milik, jagaan atau kawalan seseorang pelajar, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa pelajar itu adalah membantu dalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan itu.

85. Kesalahan-kesalahan Tatatertib

Seseorang pelajar yang melanggar atau yang tidak mematuhi, atau yang menyalahi, mana-mana daripada peraturan-peraturan ini atau mana-mana sekatan, syarat atau had yang dikenakan di bawah peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana perintah atau arahan yang diberi di bawah peraturan-peraturan ini bersalah atas suatu kesalahan tatatertib.

86. Peraturan-Peraturan Ini Tidak Mengurangkan Tanggungan Jenayah

Tiada apa-apa jua dalam peraturan-peraturan ini boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pelajar atau lain-lain orang kerana apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia.

87. Lakuna atau Tiada Peruntukan

Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukan dengan nyata di dalam peraturan ini, pihak Kolej Universti boleh menerima pakai mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang berkuatkuasa.

88. Pematuhan Peraturan

Semua pelajar hendaklah tertakluk kepada peraturan-peraturan ini dan lain-lain undang-undang yang ditetapkan oleh pihak Kolej Universiti dan Kerajaan Malaysia.

Senat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Tarikh: 07 Jun 2011

Lampiran A

CONTOH BERPAKAIAN PELAJAR PEREMPUAN UNTUK ACARA RASMI



Berbaju kurung dan bertudung labuh



Berjubah dan bertudung labuh



Uniform semasa di luar KUIS



Uniform semasa di dalam KUIS

Lampiran A

CONTOH BERPAKAIAN PELAJAR PEREMPUAN UNTUK ACARA TIDAK RASMI



Berbaju kurung



Berjubah



Berpakaian sukan



Menutup aurat

Lampiran B

CONTOH BERPAKAIAN PELAJAR LELAKI UNTUK ACARA RASMI



Baju kemeja lengan panjang



Baju kemeja lengan pendek



Uniform di dalam dan luar KUIS



Baju Melayu lengkap bersamping

Lampiran B

CONTOH BERPAKAIAN PELAJAR LELAKI UNTUK ACARA TIDAK RASMI



Baju Melayu lengkap bersamping



Berjubah



Berpakaian sukan



Menutup aurat

Lampiran 1

DENDA MAKSIMUM SEBANYAK RM 200.00 BOLEH DIKENAKAN BAGI SETIAP KESALAHAN-KESALAHAN BERIKUT:

1. Memiliki atau menyimpan atau membawa atau menghisap rokok dikawasan kampus dan Kediaman
2. Rambut panjang atau potongan atau gaya rambut yang luar biasa (Lelaki)
3. Gagal mempamerkan kad pelajar
4. Gagal mematuhi etika pemakaian yang ditetapkan
5. Gagal mematuhi aspek kebersihan di dalam kampus
6. Membuat kutipan derma atau wang tanpa kebenaran
7. Berniaga tanpa kebenaran pihak KUIS
8. Memiliki atau menyimpan atau membawa bahan-bahan mudah terbakar atau meletup
9. Mengubahsuai dan membuat kerosakan pada bangunan secara kekal seperti menconteng, mengecat, mencabut dan sebagainya.
10. Grafiti
11. Kegagalan menjimatkan bekalan tenaga (elektrik atau air)
12. Kawasan kotor
13. Bilik rehat kotor
14. Ubahsuai susun atur perabot atau kelengkapan bilik tanpa kebenaran
15. Menjemur pakaian di tempat atau kawasan yang tidak sepatutnya
16. Memiliki atau menyimpan atau membawa atau menggunakan barang elektrik yang tidak berdaftar

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

17. Memiliki atau menyimpan atau membawa atau menggunakan barang elektrik yang diharamkan iaitu:
 - a) Radio/Hi Fi >100W
 - b) Pemanas Air, VCD
 - c) Kualiti Elektrik
 - e) Televisyen
 - d) Kad T.V (Komputer)
 - f) Pengerang Rambut
 - g) Dapur dan Dapur Gas
18. Penyambungan elektrik secara haram
19. Menampal poster atau notis tanpa kebenaran
20. Tinggal/ tidur di kawasan kampus selain daripada Kediaman
21. Membawa pelawat masuk ke bilik
22. Menghilangkan kunci bilik
23. Membuat kunci pendua bilik tanpa kebenaran
24. Pertukaran bilik tanpa kebenaran
25. Bersubahat memberi izin menetap di Kediaman tanpa kebenaran
26. Kegagalan mengosongkan bilik semasa cuti
27. Tinggal di Kediaman semasa cuti tanpa kebenaran
28. Tinggal di luar kampus tanpa kebenaran atau pemakluman
29. Gagal memperbaharui kebenaran tinggal di luar kampus
30. Menetap di Kediaman tanpa kebenaran
31. Lambat mendaftar Kediaman
32. Gagal mendaftar Kediaman

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

33. Tidak berada di Kediaman selepas jam sebelas (11.00) malam
34. Tidak menunaikan Solat Fardhu Jumaat kecuali dengan keuzuran Syarie'
35. Memasak di Kediaman
36. Memiliki atau menyimpan atau membawa atau menghisap rokok
37. Memelihara haiwan di kawasan Kediaman
38. Menggunakan, memiliki, menyimpan, memberi izin untuk menyimpan; atau menggunakan semula bahan; atau apa-apa bekas bagi bahan tersebut; yang boleh mendatangkan kesan memabukkan, khayal, hilang ingatan; atau apa-apa kesan yang mendatangkan kesan mudarat seumpamanya.
39. Membuat bising di kawasan Kediaman yang boleh mengganggu ketenteraman penghuni lain
40. Mana-mana kesalahan yang dinyatakan di dalam Peraturan Kediaman Pelajar KUIS

KESALAHAN-KESALAHAN LALULINTAS DI KAMPUS

41. Gagal mempamerkan pelekat kenderaan KUIS
42. Memandu melebihi had laju kenderaan yang dibenarkan
43. Tidak mengikut undang-undang lalulintas
44. Menghalang kelancaran lalulintas Menghalang
45. kawasan meletak kenderaan Meletak kenderaan
46. di kawasan letak kereta khas
47. Meletak kenderaan di kawasan yang tidak dibenarkan

PERATURAN TATATERTIB DAN TARBIYAH PELAJAR KUIS (PINDAAN 2011)

48. Menunggang motor atau memandu kenderaan di lorong atau laluan yang tidak dibenarkan
49. Membawa lebih dari seorang pembonceng
50. Tidak mematuhi undang-undang jalanraya
51. Keengganan menunjukkan lesen memandu dan kad pelajar
52. Menggunakan ekzos kenderaan yang menghasilkan bunyi bising
53. Menunggang atau memandu pada waktu malam tanpa menyalakan lampu
54. Motor atau kenderaan yang tidak mempamerkan nombor pendaftaran kenderaan
55. Cukai jalan yang tamat tempoh
56. Menunggang atau memandu tanpa lesen memandu
57. Menunggang atau membonceng motosikal tanpa memakai topi keledar
58. Menunggang atau memandu dalam keadaan berbahaya
59. Memandu tanpa memakai tali pinggang keledar
60. Mana-mana kelakuan yang menyalahi Akta Pengangkutan Jalan 1987

Lampiran 2

JADUAL GANTI RUGI KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN ASET/PERABOT

Bil	Aset/Perabot	Denda (RM)/Unit
1.	Meja Belajar	400.00/unit
2.	Kerusi Belajar	200.00/unit
3.	Almari	500.00/unit
4.	Cermin Almari	30.00/unit
5.	Katil	450.00/unit
6.	Tilam (Single)	300.00/unit
7.	Pintu	600.00/unit
8.	Tombol Pintu Bilik	60.00 /unit
9.	Cermin Tingkap	200.00/unit
10.	Bingkai Tingkap	140.00/unit
11.	Kipas	150.00/unit
12.	Aset-aset lain	Bayaran ganti rugi akan ditentukan oleh Kolej Universiti berdasarkan aset yang hilang atau rosak.

Walau apapun Kolej Universiti boleh dari semasa ke semasa menetapkan; jumlah ganti rugi kerosakan atau kehilangan atau kos penyelenggaraan bagi aset yang dinyatakan di dalam jadual di atas atau apa-apa aset lain yang tidak diperuntukkan di dalam jadual di atas dan keputusan Kolej Universiti di dalam perkara ini adalah muktamad.

**PENGAKUAN PENERIMAAN PERATURAN
TATATERTIB & TARBIYAH PELAJAR
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)
(PINDAAN 2011)**

Kepada Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor:

1. Saya
No. K/P dengan
ini mengaku menerima dan memahami Peraturan Tatatertib dan
Tarbiyyah Pelajar KUIS.
2. Dan saya dengan ini berjanji akan menghayati segala nilai-nilai Hukum
Syara' dan akan mematuhi Peraturan Tatatertib Dan Tarbiyyah Pelajar
KUIS pada setiap masa serta berazam untuk memelihara nama baik
Islam dan KUIS serta meletakkan KUIS sebagai sebuah institusi Islam
bertaraf dunia.

Tandatangan Pelajar :
No. Matrik :
No. Telefon :
Fakulti :
Tarikh :

Nota: Pelajar dikehendaki memulangkan surat penerimaan ini kepada Bahagian
Pembangunan Mahasiswa (BPM) melalui fakulti masing-masing.

